

Terap amalan membaca berkualiti dalam kalangan penjawat awam

Dr Periasamy Gunasekaran,
Felo Penyelidik
Kanan, Institut
Tadbiran Awam
Negara (INTAN)

Malaysia menyaksikan transformasi ketara dalam budaya membaca berdasarkan Kajian Profil Pembacaan Rakyat Malaysia 2022/2023 menunjukkan rakyat memperuntukkan kira-kira sembilan jam dan 22 minit seminggu untuk membaca, dengan keutamaan kepada bahan bercetak (16 buku setahun) berbanding bahan digital (lapan buku).

Kajian profil Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) itu menunjukkan peningkatan ketara berbanding hanya dua buku pada 2005, sekali gus menyerlahkan penekanan negara semakin kukuh terhadap literasi dan pemerolehan ilmu.

Namun, secara keseluruhan hingga 2023, Malaysia berada pada kedudukan ke-53 daripada 100 negara dalam Indeks Literasi Dunia, mencerminkan tahap literasi sederhana.

Literasi semata-mata tidak mencukupi, kualiti dan kedalaman pembacaan amat penting. Kekurangan budaya membaca amat membimbangkan, terutama dalam sektor penting merangka dasar negara dan melaksanakan pelan pembangunan.

Malaysia baru-baru ini di tempat keenam dalam kalangan negara Asia Tenggara dari segi jumlah buku dibaca, manakala di peringkat global, negara di tempat ke-37 dengan purata 5.47 buku dibaca dalam hanya 122 jam setahun.

Singapura mendahului dengan 6.72 buku dalam 155 jam setahun dan diikuti Thailand (6.37 buku/149 jam). Di peringkat dunia, Amerika Syarikat (AS) menduduki tempat pertama dengan 17 buku dalam 357 jam setahun, diikuti India (16 buku) dan United Kingdom (15 buku).

Walaupun statistik ini merujuk populasi umum, tabiat membaca penjawat awam wajar diberikan perhatian khusus. Penjawat awam adalah pemacu utama dalam operasi dan pengurusan kerajaan, manakala pembangunan profesional secara berterusan amat penting bagi tadbir urus berkesan.

Ia bukan sahaja meningkatkan pertumbuhan peribadi, bahkan diterjemah kepada penyampaian perkhidmatan awam lebih berkualiti.

Pembacaan meluas yang penting bagi penjawat awam merangkumi pelbagai bahan untuk tujuan ilmu dan keseronokan, memupuk pemikiran kritikal, kreativiti serta pandangan dunia lebih luas.

Pembacaan berkala membolehkan penjawat awam mengikuti perkembangan dasar, trend global dan inovasi terkini untuk membuat keputusan lebih tepat.

Tingkat kecekapan berkomunikasi

Pendedahan kepada pelbagai gaya penulisan dan kosa kata memperbaiki kecekapan berkomunikasi secara lisan serta bertulis, sekali gus menjadi kemahiran penting dalam merangka dasar serta berinteraksi dengan masyarakat.

Tabiat membaca menanam budaya pembelajaran berterusan, penting untuk menyesuaikan diri de-

ngan tuntutan perkhidmatan awam yang sentiasa berubah.

Justeru, penjawat awam yang membentuk sebahagian besar tenaga kerja di Malaysia dengan anggaran 1.6 juta orang, wajar mengandakan tabiat membaca bagi memantapkan trend nasional.

Namun, kajian mengenai tabiat membaca dalam kalangan pelajar mendapati isu seperti kurang motivasi, pengaruh persekitaran dan tarikan hiburan digital menjejaskan tabiat membaca. Lebih membimbangkan, ketagihan terhadap media sosial mengurangkan minat membaca yang berkualiti.

Cabaran ini mungkin turut memberi kesan kepada penjawat awam hingga memerlukan intervensi khusus bagi menggalakkan budaya pembacaan meluas. Beberapa strategi perlu dilaksanakan untuk memupuk budaya membaca yang mantap dalam sektor awam.

Pertama, menubuhkan perpustakaan mini di semua agensi kerajaan untuk menggalakkan pengunaan masa terluang bagi membaca.

Kedua, menganjurkan kelab buku dan lingkaran bacaan untuk memupuk komuniti pembaca serta merangsang wacana intelektual.

Ketiga, menggalakkan penjawat awam membaca bahan berkaitan bidang mereka bagi meningkatkan kepakaran dan mutu perkhidmatan.

Keempat, memberi akses kepada perpustakaan digital dan e-buku untuk menarik minat celik teknologi dan menyokong pembacaan mudah alih.

Kelima, melaksanakan program menghargai dan ganjaran kepada pekerja aktif membaca boleh menjadi pemangkin motivasi kepada yang lain.

Bagi menjamin kemajuan berterusan, penjawat awam perlu menerima pembacaan meluas bukan hanya sebagai usaha peribadi, tetapi sebagai tanggungjawab profesional.

Oleh itu, kerajaan dapat memastikan penjawat awam bersiap siaga menghadapi kerumitan pentadbiran dan menyumbang secara berkesan kepada pembangunan negara, lebih-lebih lagi dalam konteks cabaran geopolitik semasa.

